

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 26 Julai 2021 15:51
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SCIMPA Komited Jayakan GAGAH UUM Tingkat Agenda Penyelidikan dan Inovasi




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JULAI 2021 / 16 ZULHIJAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohammad Faizal Azid@Aziz
Gambar oleh: SCIMPA

SCIMPA KOMITED JAYAKAN GAGAH UUM TINGKAT AGENDA PENYELIDIKAN DAN INOVASI



UUM ONLINE: “Setiap pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu bercita-cita untuk menjadi ahli akademik yang berjiwa rakyat,” kata Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah pada Sesi Bual Bicara Bersama TNCPI bersama warga Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) secara maya, baru-baru ini.

Beliau berkata, agenda ‘Universiti Untuk Masyarakat’ bermaksud universiti menjalankan penyelidikan dan hasilnya adalah jawapan kepada pelbagai permasalahan yang dihadapi masyarakat kini.

Mengambil contoh kejayaan Prof. Muhammad Yunus, perintis kepada Grameen Bank di India, menurutnya, seorang pensyarah bukan sahaja berkhidmat sebagai pendidik, malah hasil penyelidikan yang dihasilkan perlu digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

“Agenda Gagasan Akademia dan Admin Holistik (GAGAH) UUM 2021-2025 yang diwujudkan ini bukanlah pelan baharu tetapi merupakan pelengkap khususnya untuk Teras 2 (Research Excellence) dan Teras 3 (Sustainable Community & Industrial Engagement) serta agenda-agenda yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi.

“GAGAH UUM terbentuk daripada rasa yakin dan percaya bahawa untuk kita pergi jauh, kita perlukan semua warga UUM bergerak sederap ke arah sasaran yang telah ditetapkan. Kejayaan tidak akan tercapai hanya melalui komitmen tinggi daripada pensyarah tanpa sokongan padu daripada staf pentadbiran juga,” katanya.

Tambah beliau, pensyarah perlu mempunyai sasaran Intellectual Property (IP) yang boleh dihasilkan selain penerbitan melalui geran yang diperoleh.

Prof. Dr. Haim Hilman turut mengetengahkan cadangan penubuhan ‘*Bank of Ideas*’ yang amat relevan bagi menggabungkan idea serta kemahiran teknikal sehingga boleh menyumbang kepada pengkomersialan idea tersebut.

Menjelaskan lebih lanjut berhubung inisiatif strategik, beliau berkata GAGAH UUM didukung oleh Lembah Penyelidikan dan Inovasi (Sintok Technology Research & Innovation Valley - STRIVE Valley) dan Taman Penyelidikan dan Pembangunan Komuniti (Sintok Community Research & Engagement Park - SCORE Park).

“Kedua-dua inisiatif ini bertujuan untuk membentuk identiti universiti melalui penyelidikan yang dihasilkan serta berfungsi untuk membangunkan industri dan masyarakat,” katanya yang turut merakamkan penghargaan kepada pensyarah SCIMPA yang telah memberi input dalam penyediaan dokumen GAGAH UUM.

Sementara itu, Dekan SCIMPA, Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin berkata, SCIMPA amat komited untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan Pelan Strategik UUM walaupun dengan jumlah staf yang terhad.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.